

NEGARA₂ SELATAN YAKIN DIRI SENDIRI

U.M. 23 NOV 1992

Ⓟ - MAHATHIR - CLEPSEAS TRIPS

DAKAR (Senegal) 22 Nov. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru Negara-Negara Selatan supaya memandang ke Selatan dan mula menaruh kepercayaan kepada kemampuan dan kebolehan mereka sendiri untuk menjadi agen perubahan.

Dengan tiga perkataan ini; "Pandang Ke Selatan" Dr. Mahathir kini cpba membawa negara-negara dunia memba-



ROZAID RAHMAN

Melaporkan dari
SENEGAL

ngun dan dunia ketiga berki-
blatkan ke era baru seba-
gaimana beliau berjaya dalam
falsafah "Pandang Ke Timur"
untuk Malaysia.

Masalah

Katanya, masalah asas yang
dihadapi oleh Negara-Negara
Selatan, sebagaimana yang di-
tegaskan oleh Pengerusi Suru-
hanjaya Selatan-Selatan, Julius
Nyerere pada persidangan
G-15 yang pertama di Kuala
Lumpur tiga tahun lalu ialah
mereka (Selatan) sentiasa me-

mandang tinggi kepada nega-
ra Utara.

"Kita mestilah berbangga
dengan tradisi dan institusi
Selatan yang kita bina melalui
kumpulan kerjasama ini...kita
mestilah berfikir dan melihat
ke Selatan.

"Mesej yang ingin disam-
paikan oleh Nyerere di sini
ialah kita mestilah mula meli-
hat di antara diri kita sendiri
dan untuk memulakannya kita
perluah mengadakan banyak
perbincangan dan mestilah

LIHAT MUKA 2

MESTI
— DR. M

NEGARA2 SELATAN MESTI YAKIN DIRI SENDIRI

U.M. 23 NOV 1992

mampu menghargai kemahlu-
an dan kehendak masing-
masing," ujarnya ketika me-
nyampaikan ucapan di pertem-
uan tertutup dengan ketua-
ketua negara Kumpulan Kerja-
sama Selatan atau G-15 di
Kompleks Persidangan Raja
Fahd, di sini.

Sidang kemuncak tiga hari
itu yang dihadiri oleh sembi-
lan ketua negara bermula se-
malam.

Dr. Mahathir menegaskan,
sebagai satu kumpulan, ne-
gara-negara Selatan mestilah
mampu menyesuaikan diri de-
ngan perubahan dan perbeza-
an melalui usahasama secara
kolektif.

Katanya, G-15 telah diben-
tuk sebagai satu agen perubahan
untuk memperkenalkan dan
memperkuhkan kerjasama
Selatan-Selatan.

"Apabila kita bertemu di
Kuala Lumpur pada Jun 1990
untuk pertama kali, kita berse-
tuju untuk melaksanakan ko-

mitmen bersama kita kepada
beberapa projek.

"Setengah daripada projek
ini walaupun pada mulanya
nampak sukar untuk dilaksa-
nakan tetapi telah mula mem-
buahkan hasil.

"Projek Pusat Data Pelabur-
an, Perdagangan dan Teknolo-
gi Selatan atau SITTDEC
umpamanya telah beroperasi.
Ia kini telah mula menyalur-
kan pusat data maklumat per-
niagaan bagi membolehkan
Selatan lebih mengenali Sela-
tan dan begitu juga dengan
Perjanjian Pembayaran Dua
Hala (BPA) telah membukti-
kan perdagangan antara nega-
ra anggota," katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau
yakin projek-projek G-15 yang
lain akan terbukti berguna
pada masa-masa akan datang.

Untuk mencapai hasrat ini,
kata Dr. Mahathir, Negara-
Negara Selatan mestilah terus
berusaha membina kejayaan di
atas pertumbuhan yang sama.

Menurutnya, projek-projek
yang dijalankan oleh G-15 se-
benarnya akan membantu
membina infrastruktur asas ke-
arah kerjasama ini.

Kata Perdana Menteri, beli-
au telah melawat banyak nega-
ra Selatan dalam usaha untuk
meningkatkan perdagangan
dan pelaburan.

Selatan, katanya, sebenar-
nya kaya bukan sahaja dari
segi sumber tenaganya, tetapi
juga sumber asli dan budaya.

Sementara itu ketika berte-
mu dengan wartawan Malay-
sia di Hotel Le Meridien Presi-
den di mana ketua-ketua
negara menginap pagi ini, Dr.
Mahathir yang diminta meng-
ulas lebih lanjut mengenai uca-
pannya itu berkata, Malaysia
mahu menegaskan bahawa
pentingnya Negara-Negara Se-
latan berunding dan merapat-
kan lagi barisan mereka supa-
ya mereka boleh bersemuka
dengan negara Utara secara
lebih berkesan. — *Utusan*.